

**PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.07.01/10.12/32 (5)

29 Januari 2015

**PEKELILING CICT BIL.1/2015**

Semua Staf  
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT)  
Universiti Teknologi Malaysia

**MEREKOD SEMUA AKTIVITI DAN OPERASI CICT MENGGUNAKAN SISTEM**

Adalah dimaklumkan pihak Pengurusan CICT melalui Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif CICT Bil.15/2014 pada 18 Disember 2014 telah bersetuju untuk merekodkan semua aktiviti dan operasi menggunakan sistem yang sedia ada. Pengumpulan data aktiviti kerja harian dan aktiviti projek ini adalah bertujuan untuk menghasilkan **laporan kerja harian, mingguan, bulanan dan tahunan**. Dengan adanya laporan berkala ini membolehkan pemantaun dan penilaian dibuat disemua peringkat unit, bahagian, CICT, dan pengurusan univervisiti. Dengan ini dapat dipastikan penyampaian perkhidmatan CICT yang cemerlang dapat diberikan bagi memenuhi keperluan Pengurusan Universiti keseluruhannya.

Kaedah merekod aktiviti dan operasi CICT adalah menggunakan sistem seperti berikut:-:-

**1. SISTEM UTMPROJECTINFO (CONFLUENCE)**

- Untuk berkongsi dan berkolaborasi semua dokumen teknikal mengenai sistem, aplikasi, projek, kemudahan dan perkhidmatan dalam CICT

**2. SISTEM UTMPMO (JIRA)**

- Untuk merekodkan perancangan, pembahagian tugas, kerja, aktiviti projek dan perkhidmatan ICT

**3. SISTEM ADUAN PELANGGAN (ADU@IT)**

- Untuk merekod sebarang aduan berkaitan ICT

**4. SISTEM CUSTOMER RELATIONSHIP MANAGEMENT (CRMM)**

- Untuk merekodkan cadangan dan maklumbalas pelanggan


Sehubungan semua staf hendaklah merekodkan semua aktiviti dan operasi harian menggunakan sistem yang sedia ada bagi memastikan semua perkhidmatan yang CICT berjalan dengan lancar bagi memenuhi kepuasan pelanggan.

Semua Timbalan Pengarah / Ketua Bahagian hendaklah memastikan staf melaksanakan arahan ini dan dibuat pemantauan secara berterusan. Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"**

Yang benar



**PROF. DR. SAFA'AI BIN DERIS**  
Pengarah  
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT)

s.k Timbalan Pengarah (Operasi)  
Timbalan Pengarah (Infrastruktur dan Keselamatan ICT)  
Timbalan Pengarah (Sokongan & Perancangan Pengguna)  
Pengarah (Project Management Office)  
Ketua Bahagian (Operasi Aplikasi)  
Ketua Bahagian (Perkhidmatan Sokongan Pengguna)  
Ketua Bahagian (Kejuruteraan Aplikasi)  
Ketua Bahagian (Pengurusan Pangkalan Data)  
Penolong Pendaftar Kanan (Bahagian Pentadbiran & Kewangan)  
*Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi*  
*UTM Johor Bahru*

Timbalan Pengarah

*Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi*  
*UTM Kuala Lumpur*

2015012923